
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

YSF 514 – Teori Filem Dan Kaedah

Masa : 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

- 2 -

1. Teori filem feminis beroperasi dalam satu paradigma yang bersifat *eurocentric white woman*. Jelaskan keadaan ini dengan memperlihatkan masalah yang wujud dalam teori sebegini dan kaitkan dengan idea ‘sudut pandangan yang bertentangan’ yang dinyatakan oleh bell hooks.
2. Adakah filem satu bentuk bahasa? Dengan mengambil kira pandangan yang dimajukan oleh Metz, Pasolini dan Eco bincangkan perkara ini dengan terperinci dengan memperjelaskan hubungan di antara filem dan ideologi.
3. Psikoanalisis adalah satu paradigma dominan dalam teori filem. Bincangkan kepentingan psikoanalisis aliran Lacan untuk menerangkan perhubungan di antara penonton dan filem.
4. Adakah auteurisme satu teori atau satu polisi? Mengapakah auterisme dikritik dan adakah ia satu pendekatan yang masih sahih untuk digunakan dalam proses penganalisaan filem?
5. Nilaikan secara kritis idea-idea Mulvey (1975) mengenai keseronokan visual (*visual pleasure*) dan sinema bernaratif.
6. Apakah tiga masalah utama dalam teori Marxist yang dinilai kembali oleh Althusser? Terangkan bagaimanakah penyelesaian yang diberikan oleh Althusser mempengaruhi perkembangan teori filem selepas peristiwa Mei 1968.

- ooo O ooo -